

S'pura bakal akhiri temasya dengan prestasi terbaik

► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

SUKAN Asia Tenggara (SEA) melabuh tirai malam ini dengan pasukan tuan rumah mencatat keputusan terbaik dalam sejarah.

Sehingga akhbar ini dicetak, Team Singapore telah memenangi 258 pingat – 83 emas, 73 perak dan 102 gangsa – dengan satu lagi emas dijangka daripada pasukan polo air lelaki yang berentap dengan Indonesia petang nanti. Hanya Thailand yang memenangi 90 pingat emas mengatasi Singapura pada kedudukan pingat.

Pencapaian kali ini jauh lebih baik berbanding 50 emas, 40 perak dan 74 gangsa yang diraih pada 1993 – kali terakhir Kota Singa menjadi tuan rumah temasya dwitahunan ini.

Perenang Joseph Schooling bukan sahaja menyumbang sembilan emas, bahkan memecah sembilan rekod termasuk bagi acara gaya bebas 50 meter milik Ang Peng Siong yang bertahan selama lebih tiga dekad.

Di balapan, puteri pekut Shanti Pereira mengakhiri kemarau emas apabila beliau mencatat rekod nasional dan memenangi acara 200 meter dengan masa 23.60 saat.

Dalam acara berpasukan, srikan-di bola jaring negara meraih pingat emas pertama dan penuh emosi apabila ia mengatasi Malaysia di final.

Pengorbanan atlit Team Singapore bagi mengharumkan nama negara mungkin dicerminkan dengan baik oleh pesilat Muhamad Nur Alfian Juma'en di final acara tanding Kelas F (70-75 kg) yang dimenangnya kelmarin.

Dengan kaki kanan yang 'koyak' dan menitikkan darah, beliau menearajang dan mengasak lawannya Tran Dinh Nam yang juga juara dunia sehingga bunyi gong terakhir.

Selepas perlawanan, Alfian, yang gagal menahan sebak apabila *Majalah Singapura* berkumandang buat kali pertama di gelanggang silat, berkata beliau tidak sedar kakinya luka sehingga diberitahu pengadil.

"Saya tidak rasa sakit pun... tumpuan saya hanya pada lawan," kata Alfian, yang turut dipilih sebagai



JUARA BERTAHAN: Pesilat nasional Muhammad Nur Alfian Juma'en meraih pingat emas dalam Kelas F – acara yang turut dimenangnya di Sukan SEA Myanmar dua tahun lalu. – Foto NORMAN SAWI

pesilat terbaik di Sukan SEA

Tekad yang ditunjukkannya itu menarik perhatian Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Encik Lawrence Wong, yang memuji Alfian di media sosial.

Namun kejayaan Sukan SEA ke-28 bagi Singapura adalah melebihi jumlah pingat dan rekod yang dicipta.

Seperti yang pernah dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Teo Chee Hean, Sukan SEA 'peluang hebat' bagi warga bersatu dan menunjukkan 'semangat Singapura' menjelang perayaan ulang tahun ke-50 (SG50) negara.

Hab Sukan Singapura – bangunan mercu tanda Sukan SEA dan cerminan impian negara dalam sukan – lulus 'ujian' tergenting sejak dibuka tahun lalu. Lebih 17,000 pen-

uduk pula menyumbang tenaga sebagai sukarelawan dalam pelbagai bidang sepanjang temasya sukan ini.

Walau kawah api Sukan SEA di padam malam nanti, warisannya akan tetap berkekalan bagi Singapura.

Laporan lain
– Muka 14 & 15

